

PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN LANSKAP ZON 1 DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) SHAH ALAM SELANGOR BAGI TEMPOH SATU (01) TAHUN.

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Kontraktor hendaklah melaksanakan perkhidmatan penyelenggaraan lanskap seperti mana yang dinyatakan di dalam keperluan operasi dan spesifikasi bagi tender ini dalam jangkamasa yang ditetapkan oleh UiTM.
- 1.2 Kontraktor bertanggungjawab sepenuhnya untuk membuat perancangan kerja seperti menyediakan jadual kerja, perancangan guna tenaga dan peralatan berdasarkan spesifikasi dan keperluan yang ditetapkan oleh UiTM.
- 1.3 Kontraktor hendaklah membekalkan peralatan atau kelengkapan serta pekerja dalam kuantiti yang secukupnya untuk melaksanakan perkhidmatan ini dan melaksanakan kerja-kerja pengurusan dan operasi mengikut keperluan yang dinyatakan di dalam kontrak ini.
- 1.4 Kontraktor bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keselamatan di tempat kerja. Sebarang kos penggantian, kerugian, kehilangan atau kerosakan akibat kecuaian kontraktor akan ditanggung sepenuhnya oleh kontraktor.

2.0 UNDANG-UNDANG, PERATURAN DAN PIAWAIAN

- 2.1 Semua kerja yang dilaksanakan termasuk kakitangan yang melaksanakan kerja, bahan dan peralatan hendaklah mematuhi undang-undang, peraturan dan piawaian daripada semua pihak berkuasa berkaitan seperti berikut :
 - i. Jabatan Alam Sekitar
 - ii. Pihak Berkuasa tempatan
 - iii. *Occupational Safety and Health Act 514:1994;*
 - iv. Pegawai Penguasa UiTM (P.P)
- 2.2 Kontraktor hendaklah bertanggungjawab untuk penyerahan bagi semua permohonan yang berkaitan kepada pihak berkuasa bagi tujuan melaksanakan kerja mengikut syarat-syarat kontrak dan spesifikasi kerja di bawah kontrak ini.
- 2.3 Sebarang bayaran/denda yang dikenakan oleh pihak berkuasa berkenaan adalah menjadi tanggungjawab kontraktor.

3.0 SKOP KERJA

- 3.1 Skop kerja bagi kontrak perkhidmatan ini ialah di Zon 1, UiTM Shah Alam Disertakan pelan pembahagian Zon 1 di bahagian lampiran.
- 3.2 Angaran kasar jumlah tanaman hiasan yang perlu diselenggara adalah seperti dalam senarai inventori tanaman yang disertakan di bahagian lampiran.
- 3.3 Skop kerja bagi perkhidmatan ini terbahagi kepada dua (2) kategori seperti berikut:
 - i. Menyelenggara Tanaman Hiasan Lanskap
 - ii. Perkhidmatan mengikut keperluan (Berdasarkan Arahan Kerja)

4.0 TENAGA KERJA PENGURUSAN /TEKNIKAL & KAKITANGAN

- 4.1 Tenaga kerja yang diperlukan untuk melaksanakan perkhidmatan ini adalah seperti berikut :

1	Jawatan : Pengurus Projek
	Keperluan wajib Kontraktor perlu menyediakan 1 orang tenaga kerja pengurusan projek/penyeliaan tapak Kelayakan Kelulusan mínima SPM atau Sijil Kemahiran dalam bidang lanskap/pertanian
	Skop Kerja Bertanggungjawab dalam merancang,mengatur,melaksanakan serta memantau secara lancar dan berkesan keseluruhan operasi dan pengurusan penyelenggaraan lanskap dan arahan dari pihak Pegawai Peguasa UiTM / Wakil Tugas Dan Tanggungjawab <ol style="list-style-type: none">1. Merancang dan menyediakan jadual perancangan kerja, peraturan kerja yang ditetapkan oleh UiTM bagi pengurusan penyelenggaraan dan kemudahan secara berkesan.2. Mengurus semua peringkat kakitangan dan pekerja yang terlibat mengikut tempoh, jadual dan skop kerja mereka dan keperluan semasa secara berterusan.3. Memantau, menyelia, menilai pengurusan, operasi dan penyelenggaraan tanaman dan sebagainya termasuk memberi pandangan dan cadangan kepada pihak UiTM sebagai usaha memperbaiki.4. Menghadiri semua perjumpaan dan mesyuarat berhubung operasi dan penyelenggaraan lanskap yang dikelolakan oleh UiTM.

1	<u>Jawatan : Pengurus Projek</u>
	<p>4. Memastikan semua kakitangan dan pekerja syarikat di kampus UiTM mematuhi peraturan dan langkah-langkah keselamatan yang telah ditetapkan apabila melaksanakan sebarang aktiviti dalam mana-mana lokasi kampus UiTM.</p> <p>5. Memajukan laporan bulanan dan laporan bergambar serta lain-lain laporan yang diperlukan dari masa kesmasa.</p> <p>6. Menyediakan laporan kerja harian, kedatangan pekerja,pakaian dan peralatan dan lain-lain keperluan seperti pengesahan kerja dari UiTM melalui borang-borang yang digunakan.</p> <p>7. Memastikan semua peralatan/mesin yang digunakan berada dalam keadaan baik dan selamat digunakan.</p> <p>8. Perlu sentiasa berada di tapak dan sentiasa bersedia menerima dan melaksanakan arahan (seperti aduan, permohonan dsb) dari masa ke semasa.</p>
2	<u>Jawatan : Pemandu Lori/Pickup</u>
	Kontraktor perlu menyediakan 1 orang pemandu yang mempunyai lesen berkaitan.

3	<u>Jawatan : Tukang Kebun</u>
	Kontraktor perlu menyediakan pekerja yang berkemahiran dalam bidang yang berkaitan.Bilangan kerja perlu berkadar langsung dengan kerja-kerja yang perlu dilaksanakan.

- 4.2 UiTM tidak menetapkan jumlah pekerja yang diperlukan untuk melaksanakan perkhidmatan. Namun begitu, sekiranya mutu perkhidmatan yang dilaksanakan tidak menepati spesifikasi yang ditentukan akibat dari kekurangan pekerja, pihak UiTM berhak mengarahkan kontraktor untuk menambah bilangan pekerja.
- 4.3 Kontraktor hendaklah menyediakan tenaga kerja yang mahir atau berpengalaman untuk melaksanakan perkhidmatan ini.
- 4.4 **Syarat-syarat penggunaan tenaga kerja adalah seperti berikut :**
- i. Kontraktor digalakkan untuk membekalkan tenaga pekerja tempatan. Sekiranya menggunakan tenaga kerja asing, maka kontraktor mestilah mematuhi semua syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia.
 - ii. Sekiranya tenaga kerja asing yang dibekalkan tidak mematuhi syarat-syarat berkenaan maka UiTM berhak untuk tidak membenarkan pekerja tersebut memasuki kawasan kampus UiTM ataupun menyerahkan kepada pihak

- berkuasa untuk diambil tindakan.
- iii. Tenaga kerja yang diambil mestilah berumur antara 18 hingga 60 tahun. Sekiranya pekerja yang diambil melebihi 60 tahun, laporan kesihatan perlulah dikemukakan untuk kelulusan wakil P.P.
 - iv. Pemandu lori hendaklah mempunyai lesen E dan GDL yang masih sah.
- 4.5 Pekerja kontraktor juga dikehendaki memakai pas kerja yang dikeluarkan oleh Polis Bantuan UiTM.
- 4.6 Kontraktor juga dikehendaki menyediakan uniform pekerja yang secukupnya untuk dipakai semasa bertugas di dalam kampus UiTM. Spesifikasi uniform adalah seperti di dalam lampiran.
- 4.7 Kontraktor hendaklah sentiasa peka terhadap prestasi dan disiplin pekerja serta bersedia untuk mengambil tindakan terhadap pekerja yang tidak menunjukkan prestasi yang baik, tidak berdisiplin atau tidak memenuhi mana-mana syarat di atas.
- 4.8 Pekerja kontraktor yang melanggar peraturan UiTM atau peraturan pihak berkuasa yang berkaitan hendaklah diberhentikan dan diganti dengan pekerja baru dalam tempoh 1 minggu.

5.0 WAKTU BEKERJA

- 5.1 Waktu bekerja yang ditetapkan adalah seperti berikut :

Bil	Hari	Masa
1	Isnin hingga Jumaat	7:30 – 16:00
2	Sabtu	7:30 – 12:30
3	Ahad	Cuti

- 5.2 Walaubagaimanapun, kontraktor juga dikehendaki sentiasa berada dalam keadaan bersedia untuk melaksanakan aduan kecemasan dan kerja segera pada bila-bila masa diperlukan.

6.0 PERALATAN DAN KELENGKAPAN

6.1 Peralatan yang diperlukan untuk melaksanakan perkhidmatan ini adalah seperti berikut:

Bil	Kategori	Peralatan	Jumlah
1	Pengangkutan Sampah/Pekerja	Lori 'Open Tipper'	Secukupnya
		Van / Kenderaan Pekerja	
		Motosikal Penyelia	
2	Komunikasi	Walkie Talkie	Secukupnya
		Uniform Pekerja	
3	Penyimpanan Peralatan/Bahan	Kabin 10 ka x 10 ka	Secukupnya
4	Pemangkasan /Potong Pokok/Melupus Pokok	Sky Lift , Crane	Ikut keperluan
		Mesin Gergaji Berantai (besar & kecil)	Secukupnya
		"Extended chain saw'	
		Mesin 'Hedge trimmer	
		Mesin 'High Cutter'	
		Folding saw, Hand shear,hedge shear,bypass looper,parang,kapak,choop,tan gga dan lain-lain peralatan	
5	Menyiram	Getah penyiram, pam air tangki air	Secukupnya
6	Potong Rumput Taman	Mesin rumput sandang	Secukupnya
7	Merumpai Dan Menggembur Tanah	Garden handfork, garden Hand shovel, Garden hand trowel, cangkul, tajak.	Secukupnya

- 6.2 Semua peralatan yang akan digunakan sepanjang tempoh kontrak seperti dinyatakan di atas adalah di bawah tanggungjawab kontraktor dan hendaklah diselenggara secara berkala bagi memastikan ianya sentiasa dalam keadaan baik dan sedia untuk digunakan. Semua peralatan yang digunakan juga perlu mematuhi spesifikasi yang ditetapkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan.
- 6.3 Jika berlaku kerosakan ke atas peralatan-peralatan ini, kontraktor dikehendaki menyediakan peralatan gantian dengan kadar segera supaya tidak menjelaskan perkhidmatan yang diberikan.

7.0 PENGURUSAN PENCAPAIAN KUALITI PERKHIDMATAN

- 7.1 Penilaian tahap perkhidmatan akan dibuat berdasarkan kepada lima Petunjuk Prestasi Utama atau 'Key Performance Indicator' (KPI) seperti berikut:

KPI	UKURAN	PENCAPAIAN
Perkhidmatan Berjadual	Peratusan Siap Kerja (%)	Minima 80 %
Prestasi Bulanan	Gred (A, B, C, D)	Minima B
Aduan	Rujuk Jadual 1	Rujuk Jadual 1
Kesihatan dan Keselamatan (Health Safety and Environment)	Jumlah Kemalangan Dilaporkan	Tiada Kemalangan Dilaporkan
Tahap Kepuasan Pelanggan	Peratusan (%)	Minimum 80%

Jadual 1

Tahap 1	Tindakbalas: 1 jam (di dalam waktu pejabat) 2 jam (di luar waktu pejabat)
Kategori	<ul style="list-style-type: none"> Membahayakan keselamatan & kesihatan warga serta pelawat UiTM dengan kadar tinggi. Situasi yang membawa bencana besar kepada proses pembelajaran & pengajaran. Kehilangan tenaga pada kadar yang besar/luas seperti elektrik & air. <p>* Objektif keutamaan Tahap 1 adalah untuk menyelamatkan keadaan dan mengurangkan kerosakan/gangguan.</p>
Tahap 2	Tindakbalas : 24 jam (bersamaan 1 hari bekerja)
Kategori	<ul style="list-style-type: none"> Membahayakan keselamatan & kesihatan dengan kadar rendah. Situasi yang memberikan kesan gangguan kepada proses pembelajaran & pengajaran. Kerosakan alat/kemudahan.
Tahap 3	Tindakbalas: 72 jam (bersamaan 3 hari bekerja)
Kategori	<ul style="list-style-type: none"> Alat/perkakasan/pepasangan memerlukan Fasiliti. Situasi yang memberi kesan minima kepada proses pembelajaran & pengajaran.
Tahap 4	Tindakbalas: 168 jam (bersamaan 7 hari bekerja)
Kategori	<ul style="list-style-type: none"> Fasiliti secara rutin. Mengikut perancangan & jadual Fasiliti. Jadual kerja yang dipersetujui bersama pelanggan.
Tahap 5	Tindakbalas: Tiada Ketentuan Tempoh
Kategori	<p>Jerja yang melibatkan penggantian alat ganti/tempahan/pihak ketiga</p> <ul style="list-style-type: none"> Tempoh 1 : 7 – 30 hari Tempoh 2 : 30 – 60 hari Tempoh 3 : 60 – 90 hari

7.2 Kontraktor yang dilantik hendaklah mematuhi dan menggunakan KPI yang berkaitan dengan kerja yang dilaksanakan bagi menjamin perkhidmatan yang diberikan mencapai standard yang diperlukan.